

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: POLISI TIADA HADIAH		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/GIFT/P-02	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 1 4

1.0 PERNYATAAN POLISI

Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (*selepas ini dirujuk sebagai “LRTSB”*) komited untuk memastikan semua urusan perniagaan dilaksanakan secara telus, beretika dan bebas daripada sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa serta konflik kepentingan. Selaras dengan komitmen tersebut, LRTSB menetapkan garis panduan yang jelas kepada semua warga kerja LRTSB dan anak syarikatnya (*selepas ini dirujuk sebagai “Kumpulan”*) yang berurusan dengan pihak luar berkaitan pemberian dan penerimaan hadiah, ganjaran, sumbangan atau apa-apa bentuk faedah lain, yang wajib dipatuhi bagi memastikan setiap urusan dilaksanakan secara berintegriti serta mencegah sebarang pengaruh yang boleh menjejaskan reputasi dan kepentingan organisasi.

2.0 TUJUAN

Polisi ini bertujuan untuk:-

- Mempromosikan standard amalan korporat yang baik.
- Memberi panduan kepada warga kerja Kumpulan berkaitan dengan pemberian dan penerimaan hadiah sama ada ketika menjalankan tugas rasmi mahupun di luar waktu tugas rasmi.
- Memberi peringatan/amaran kepada pihak yang berurusan dengan Kumpulan seperti pembekal atau kontraktor agar tidak memberikan hadiah kepada mana-mana warga kerja Kumpulan yang berurusan dengan mereka.

3.0 SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja Kumpulan termasuk Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan.

4.0 TAKRIFAN HADIAH

4.1 Apa-apa barangan atau faedah yang mempunyai nilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, suami/isteri atau saudara atau sekutu (sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]), bagi pihaknya daripada mana-mana pihak, sama ada tanpa balasan (secara percuma) atau dengan balasan yang diketahui oleh pegawai tersebut sebagai tidak setimpal ataupun setimpal.

4.2 Hadiah termasuk perkara-perkara berikut:

- | | |
|--|--|
| ☐ Wang Tunai | ☐ Tambang percuma |
| ☐ Harta alih dan harta tidak alih | ☐ Saham |
| ☐ Kenderaan | ☐ Tiket loteri |

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: POLISI TIADA HADIAH		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/GIFT/P-02	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 2 4

- | | |
|---|--|
| ☐ Kemudahan perjalanan | ☐ Hiburan |
| ☐ Perkhidmatan | ☐ Diskaun |
| ☐ Keahlian kelab | ☐ Komisen |
| ☐ Hamper | ☐ Perhiasan |
| ☐ Barang kemas | ☐ Apa-apa pemberian |
| ☐ Cenderamata | |

4.3 Hadiah-hadiah berikut dikecualikan daripada larangan Polisi ini:

4.3.1 Cenderamata korporat, sijil, plak, kad, nota terima kasih, atau cenderamata-cenderamata lain seperti diari, kalendar atau tanda hormat secara bertulis, pengiktirafan, atau penghargaan.

4.3.2 Item seminar / kursus (seperti pen, “goodie bag” dll) atau sebarang bahan lain yang diberikan kepada semua peserta seminar / kursus.

4.3.3 Buku, risalah, penerbitan, data atau sebarang maklumat atau bahan bacaan yang berguna secara langsung kepada Kumpulan untuk ia melaksanakan mandat, objektif, dan diberikan oleh individu atau organisasi yang tiada urusan yang belum selesai dengan Kumpulan, yang boleh menyebabkan konflik kepentingan yang nyata atau berpotensi menyebabkannya.

4.4 Takrifan suapan (rasuah) di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 merujuk wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpamanya.

5.0 LARANGAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

5.1 Amalan menerima dan memberi hadiah dengan pelbagai tujuan seperti tanda penghargaan, meraikan atau mengeratkan persahabatan dan persaudaraan telah menjadi budaya dalam masyarakat yang amat sukar dibendung terutamanya pada musim perayaan dan majlis keramaian. Namun demikian, ia boleh menjadi amalan yang tidak baik dan berkemungkinan menjurus kepada penyalahgunaan kuasa yang diinterpretasikan sebagai rasuah sekiranya pemberian tersebut dilakukan untuk tujuan mendapatkan sesuatu balasan, ganjaran, keistimewaan, keuntungan, perkhidmatan daripada pihak yang berkaitan dengan tugas atau urusan rasminya dan sebagainya.

Warga kerja Kumpulan dilarang menerima atau memberi apa-apa hadiah sekiranya:

i. berkaitan dengan tugas awamnya; dan / atau

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: POLISI TIADA HADIAH		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/GIFT/P-02	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 3 4

- ii. bentuk, amaun dan nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah, di mana nilai semasa hadiah (dalam bentuk wang) melebihi RM250.00.

6.0 TINDAKAN TERHADAP PENERIMAAN HADIAH

- 6.1 Dalam keadaan di mana hadiah ditawarkan atau diberikan kepada mana-mana pengarah atau warga kerja, penerima hendaklah menolak pemberian hadiah tersebut secara baik dan berhemah kepada pemberi tawaran.
- 6.2 Sekiranya sebarang hadiah tidak dapat dielakkan untuk diterima, walaupun usaha gigih telah dibuat untuk menolak penerimaan, kerana ia telah dihantar melalui cara lain selain daripada penghantaran peribadi, atau pihak pemberi tawaran berkeras untuk memberi, penerima hadiah perlu melaporkan kepada Unit Integriti & Tadbir Urus (IGU) dengan mengambil tindakan berikut:
- Mengembalikan hadiah kepada pihak yang memberi hadiah melalui Ketua Jabatan atau Ketua Syarikat; dan
 - Melengkapkan Borang Akuan Penerimaan Hadiah dan mengemukakan kepada IGU untuk tujuan pemantauan.
- 6.2 Sekiranya pihak yang memberi hadiah tidak boleh dikesan / dikenalpasti, tindakan berikut perlu diambil:
- Menyerahkan hadiah kepada IGU; dan
 - Melengkapkan Borang Akuan Penerimaan Hadiah dan mengemukakan kepada IGU untuk tujuan pemantauan dan keputusan Ketua Syarikat sama ada;
 - Membenarkan hadiah tersebut diterima;
 - Membenarkan jabatan menyimpan hadiah tersebut;
 - Melupuskan hadiah tersebut mengikut kesesuaian.

7.0 KESALAHAN UNDANG-UNDANG

Pemberian dan penerimaan hadiah sama ada kurang atau lebih daripada nilai semasa hadiah boleh menjadi kesalahan di bawah undang-undang:

- 7.1 Sekiranya penerimaan atau permintaan hadiah tersebut secara atau dengan niat rasuah (*corruptly or with corrupt intention*) bahawa ia merupakan upah atau dorongan kepada warga kerja Kumpulan termasuk Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH	TAJUK: POLISI TIADA HADIAH		TARIKH KUATKUASA: 24/05/2026
	NO. RUJ.:LRT/IGU/GIFT/P-02	SEMAKAN: 01	M/SURAT : 4 4

kakitangan bagi melakukan atau tidak melakukan atau kerana telah melakukan atau telah tidak melakukan sesuatu perbuatan yang ada kaitan dengan urusan prinsipal Kumpulan.

- 7.2 Sekiranya orang atau pihak yang memberi hadiah tersebut mempunyai hubungan kerja atau urusan rasmi dengan orang atau pihak yang menerima dan penerimaan tersebut bukan dengan niat suci hati (not in good faith) sebaliknya dengan niat jenayah (mens rea); atau
- 7.3 Sekiranya orang atau pihak yang menerima mengetahui penerimaan hadiah tersebut dengan niat jenayah daripada orang atau pihak yang telah, atau sedang, atau mungkin ada kaitan dalam sebarang urusan rasmi yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan oleh orang atau pihak yang menerima tersebut.

Seksyen 16, 17, 20, 21, 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;.

8.0 PEMILIK & PENYELENGGARAAN POLISI

- 8.1 Pemilik polisi ini ialah IGU. Polisi ini hendaklah disemak bagi memastikan kesesuaiannya dengan keperluan semasa sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun atau apabila perlu dan sekiranya terdapat sebarang perubahan yang besar. Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui memorandum dalaman yang akan diedarkan terlebih dahulu.
- 8.2 Sebarang semakan terhadap polisi ini hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LRTSB.

-TAMAT-